

Headline	TNB perkenal arang batu campuran jana elektrik		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Jan 2019	Language	Malay
Circulation	69,985	Readership	209,955
Section	Bisnes	Page No	22
ArticleSize	210 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 21,633		



**TNB perkenal arang batu campuran** untuk kegunaan Stesen Janakuasa Sultan Azlan Shah.



# TNB perkenal arang batu campuran jana elektrik

**Tenaga Nasional Bhd (TNB)** memperkenalkan arang batu campuran di stesen jana kuasanya di Lumut, Perak, sebagai sebahagian usaha berterusan dalam memastikan bekalan arang batu mampan bagi penjanaan elektrik.

Dalam satu kenyataan, TNB berkata, pengenalan arang batu campuran di Stesen Janakuasa Sultan Azlan Shah, yang menjana 20 peratus sumber elektrik bagi Semenanjung Malaysia, akan membantu mengukuhkan kelestarian pembekalan arang batu pada masa depan.

Ia juga katanya, selaras kehendak semasa dalam

kalangan sektor utiliti yang menggunakan arang batu campuran untuk memastikan bekalan bahan bakar itu dapat memenuhi keperluan penjanaan tenaga elektrik.

## Operasi penghantaran pertama Disember 2018

Stesen Janakuasa Sultan Azlan Shah, dengan kapasiti pengeluaran 4,100 megawatt (MW), menggunakan 15 juta tan arang batu sub-bituminous setahun.

Stesen jana kuasa itu menerima penghantaran pertama arang batu campuran itu pada 31 Disember 2018, di Lekir Bulk Terminal (LBT) yang berham-

piran, milik Integrax Bhd, anak syarikat milik penuh TNB.

Arang batu berkenaan diimport dari Indonesia oleh sebuah lagi anak syarikat milik penuh, TNB Fuel Services Sdn Bhd, yang membekalkan bahan api dan arang batu bagi stesen janakuasa dalam negara.

TNB Janamanjung Sdn Bhd, operator Stesen Janakuasa Sultan Azlan Shah juga melaksanakan kajian pembakaran dan analisis makmal untuk memastikan arang batu campuran itu memenuhi piawai pengeluaran asap ditetapkan sebelum sumber itu digunakan.